Rencana

Keutamaan jangka sederhana untuk rangka kerja kehematan dan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT)

Pandemik yang berlaku baru-baru ini telah menekankan betapa pentingnya pengambilan risiko secara berhemat dan pembinaan penampan semasa keadaan baik. Tindakan ini dibuat supaya kejutan yang tidak dijangka semasa krisis boleh ditampung oleh sistem kewangan dan sistem tersebut dapat memainkan peranan timbal balas secara berkesan bagi menyokong pemulihan ekonomi. Bank akan terus memastikan rangka kerja kehematannya untuk institusi kewangan terus berkesan, dengan bidang tumpuan untuk tempoh selama lima tahun akan datang dihuraikan seperti yang di bawah.

Keperluan modal Basel III

Pembaharuan Basel III yang diperkenalkan berikutan berlakunya Krisis Kewangan Global Tahun 2008 penting dalam usaha menggalakkan daya tahan sistem perbankan global. Sejak beberapa tahun lalu, Malaysia telah melaksanakan sebahagian besar elemen utama pakej pembaharuan ini terutamanya keperluan modal minimum, nisbah leveraj dan standard mudah tunai.



Keutamaan Bank pada masa hadapan adalah untuk mengkaji semula dan melaksanakan pembaharuan Basel III yang berkaitan dengan pengiraan aset berwajaran risiko dengan memberikan tumpuan pada risiko kredit, risiko operasi, risiko kredit rakan niaga, pensekuritian dan dedahan kepada rakan niaga berpusat. Bank juga akan mengkaji semula dasar Had Dedahan Rakan Niaga Tunggal (Single Counterparty Exposure Limit, SCEL) untuk mengambil kira perkembangan standard antarabangsa mengenai dedahan besar yang berkaitan. Langkah ini termasuk potensi memperhalus had, skop cagaran yang layak dan olahan dedahan tertentu (contohnya kepada badan berdaulat, rakan niaga berpusat dan entiti dalam kumpulan).

Seperti amalan sedia ada, Bank akan mempertimbangkan dengan teliti aplikasi yang relevan dalam konteks Malaysia serta operasi institusi kewangan Malaysia yang berkembang di luar negara apabila menerapkan standard antarabangsa. Apabila perlu, Bank juga akan terus memastikan keperluan pengawalseliaan setara dengan risiko yang ada serta mempertimbangkan kesediaan operasi industri dan keperluan untuk pengaturan peralihan.

Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (RBC/T)

Sejak pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful (Risk-Based Capital Framework for Insurers and Takaful Operators, RBC/T) pada tahun 2009 untuk penanggung insurans dan pada tahun 2014 untuk pengendali takaful, keadaan pasaran telah berkembang seiring dengan kemajuan dalam inovasi produk serta pengenalan model baharu bagi takaful dan juga kontrak Syariah. Langkah-langkah pengawalseliaan global yang baharu seperti Piawaian Modal Insurans Global Berasaskan Risiko (Risk-based Global Insurance Capital Standards, ICS) yang dibangunkan oleh IAIS turut membuka jalan ke arah penumpuan yang lebih besar terhadap standard kecukupan modal antarabangsa.

Selaras dengan perkembangan ini, Bank telah memulakan kajian semula ke atas RBC/T secara menyeluruh bagi memastikan keberkesanannya yang berterusan untuk bertindak balas terhadap risiko baharu dan risiko yang baru muncul, serta menyelaraskan amalan pengukuran di seluruh industri insurans dan takaful. Usaha ini akan membolehkan penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operators*, ITO) menyelaraskan strategi perniagaan mereka dan kekal berdaya saing. Secara amnya, Bank berhasrat untuk menyelaraskan RBC/T dengan ICS, baik dari segi reka bentuk rangka kerja mahupun garis masanya. Pada tahun-tahun mendatang, Bank juga akan melaksanakan cadangan penambahbaikan kepada RBC/T berdasarkan maklum balas industri, terutamanya dari aspek kesesuaian antara elemen reka bentuk umum rangka kerja ini dengan model perniagaan yang berbeza.

Kajian semula ini juga akan mempertimbangkan prinsip Syariah bagi menyokong keperluan pemindahan modal antara dana takaful, yang pada masa ini terhad untuk mencerminkan pemilikan dana individu yang berasingan. Pertimbangan ini akan termasuk *ta`awun* (saling membantu) bagi lebihan dalam sesuatu dana takaful tertentu, yang melebihi keperluan modal pada peringkat dana untuk kegunaan menyokong dana takaful lain.

Langkah-langkah AML/CFT

Sebagai pihak berkuasa berwibawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA), Bank kekal komited untuk memacu rejim AML/CFT negara yang kukuh. Bagi mencapai matlamat ini, Bank telah menerajui usaha untuk mewujudkan mekanisme dan inisiatif yang diperlukan untuk pencegahan, penyiasatan dan pendakwaan jenayah kewangan yang berkesan. Langkah-langkah ini dilaksanakan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement agencies*, LEA) dalam negeri, institusi pelapor, unit perisikan kewangan asing, kumpulan serantau dan antarabangsa, serta pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

Dalam hal ini, keutamaan jangka sederhana Bank untuk memelihara integriti sistem kewangan akan berlandaskan mekanisme kerjasama yang sedia ada, sambil menyasarkan pengurangan risiko ML/TF yang dikenal pasti dalam Penilaian Risiko Kebangsaan 2020 (National Risk Assessment 2020, NRA 2020)[1] baru-baru ini. Secara keseluruhan, strategi Bank akan berlandaskan pada tiga teras utama.

Pertama, usaha bersepadu akan dikaji untuk meningkatkan penyelarasan dengan lebih baik bagi mencegah, mengesan, merencatkan dan memusnahkan jenayah kewangan seawal mungkin. Usaha ini mengutamakan jenayah berisiko tinggi iaitu penipuan dan jenayah berunsur sindiket jenayah terancang. Hal ini termasuk pembangunan platform perkongsian maklumat antara institusi kewangan yang terlibat dengan LEA yang berkaitan bagi meminimakan kehilangan wang hasil daripada penipuan serta memanfaatkan Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC) bagi menjalankan risikan dan penyiasatan bersama yang memberikan tumpuan pada kumpulan jenayah terancang.



[1] NRA 2020 telah mengenal pasti bahawa sistem perbankan, perkhidmatan pengiriman wang dan instrumen pembayaran yang ditetapkan terus disalahgunakan untuk memudahkan kegiatan lima jenayah berisiko tinggi, iaitu penipuan, rasuah, penyeludupan, pengedaran dadah haram dan jenayah terancang. Hal ini diburukkan lagi dengan peningkatan pendigitalan dalam sektor kewangan serta urus niaga dalam negeri dan rentas sempadan yang pantas.

Kedua, Bank akan menyelidik dengan lebih mendalam untuk memahami dengan lebih jelas bidang risiko ML/TF yang lebih tinggi dan baru muncul, yang melibatkan sektor kewangan dan bukan kewangan, bagi menyediakan dasar dan panduan pengurangan risiko yang responsif kepada institusi pelapor. Antara lain, Bank akan memberikan tumpuan pada usaha menilai pemacu utama risiko ML/TF yang dikenal pasti dalam NRA 2020, seperti penggunaan aset dan teknologi maya yang semakin meningkat bagi memudahkan jenayah kewangan dan pendedahan yang berpunca daripada pendigitalan perkhidmatan kewangan atau perbankan digital. Penekanan juga akan diberikan kepada bidang-bidang berisiko tinggi yang lain, seperti penyalahgunaan syarikat pelindung atau syarikat tersedia (*shell or shelf companies*) atau perkhidmatan profesional.

Ketiga, sejajar dengan perkembangan serantau dan global, Bank akan menggalakkan inisiatif kolaboratif yang diterajui industri bagi memacu amalan yang lebih cekap dan mengukuhkan budaya pematuhan dalam industri. Inisiatif-inisiatif ini termasuk penerbitan panduan atau amalan terbaik AML/CFT yang didorong oleh sektor tertentu bagi menyelaraskan pelaksanaan langkah-langkah khusus, pembangunan pakar-pakar bidang yang berkelayakan atau diperakui secara profesional melalui program akreditasi atau program latihan kepada tenaga pengajar, serta pembangunan infrastruktur atau penyelesaian bersama bagi pemantauan dan perkongsian maklumat yang berkesan mengenai risiko ML/TF.

Pemetaan tanggungjawab

Bank akan memuktamadkan Rangka Kerja Pemetaan Tanggungjawab yang telah dicadangkan pada akhir tahun 2019 sebelum bermulanya pandemik. Sejajar dengan kepentingan hala tuju daripada pihak atasan, rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan tanggungjawab terhadap fungsi utama, termasuk yang ditetapkan oleh undang-undang dan peraturan, diperuntukkan dengan jelas kepada individu pada peringkat pegawai kanan.

Dengan melaksanakan tadbir urus dan akauntabiliti individu dalam institusi kewangan, rangka kerja ini menyokong beberapa hasil penting. Hasil ini termasuk menyokong libat urus pengawalseliaan yang berkesan dengan lembaga pengarah mengenai operasi dan proses membuat keputusan institusi kewangan, mendorong keputusan yang lebih baik melalui insentif yang diperkukuh untuk tingkah laku serta budaya yang baik, dan membenarkan institusi menangani halangan yang boleh menyekat individu penting menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Dalam jangka masa lebih panjang, transformasi dalaman ini amat perlu bagi meningkatkan kekukuhan kewangan jangka panjang industri dan seterusnya, keupayaan berterusan untuk memenuhi obligasi mereka dan juga keperluan pelanggan.

Pengurusan Risiko dalam Teknologi (RMiT)

Kadar perubahan yang pesat dalam landskap digital bermakna kehendak pengawalseliaan perlu berkembang seiring dengan perubahan ini supaya terus berkesan. Bank akan mengutamakan usaha memperhalusi dasar Pengurusan Risiko dalam Teknologi (Risk Management in Technology, RMiT) yang merupakan bahagian utama rangka kerja pengawalseliaan untuk pengurusan risiko teknologi. Usaha-usaha yang dijalankan ke atas RMiT ini khususnya akan berpandukan pada empat teras.

Pertama, Bank akan memastikan tumpuan penyeliaan yang lebih besar terhadap cara institusi kewangan menguruskan risiko daripada penyedia perkhidmatan pihak ketiga (*third party service providers*, TPSP). Aktiviti penyeliaan Bank akan memberikan tumpuan pada tadbir urus keseluruhan institusi kewangan, usaha wajar, pemantauan dan perlindungan data yang berterusan serta sama ada perlindungan setara dengan skop perkhidmatan yang disediakan dan kepentingan maklumat yang diproses oleh TPSP. Matlamatnya adalah untuk memastikan TPSP tidak menjadi 'pautan paling lemah' dalam rantaian bekalan. Bagi melengkapi usaha tersebut, Bank juga akan mendalami usaha menyokong inisiatif yang lebih luas bagi membangunkan standard lazim untuk TPSP berhubung dengan tadbir urus dan pengurusan risiko, selaras dengan kepentingan dalam kalangan TPSP untuk meningkatkan keyakinan terhadap kemantapan perkhidmatan mereka. Hal ini boleh melibatkan usaha memanfaatkan RMiT sebagai garis dasar bagi TPSP untuk membangunkan standard sedemikian.

Yang penting, tumpuan penyeliaan yang lebih mendalam dalam bidang ini akan menjadi pelengkap kepada strategi pendigitalan yang lebih luas dalam Pelan Sektor Kewangan ini, terutamanya mengenai pengawasan pengawalseliaan dan keselamatan siber (rujuk bab “Memajukan pendigitalan sektor kewangan”) yang menekankan keperluan untuk mempertimbangkan perimeter risiko yang semakin meluas, termasuk daripada peningkatan dalam kerjasama dengan TPSP.

Kedua, Bank akan memberikan lebih banyak panduan kepada industri mengenai pengurusan perkhidmatan awan. Bank akan mempertimbangkan pelbagai model yang bersesuaian untuk pengaturan pengawasan masa hadapan, dengan matlamat untuk mewujudkan jaminan bahawa penyedia perkhidmatan awan (*cloud service providers*, CSP) menangani risiko mereka dengan berkesan. Bagi tujuan ini, peserta industri perlu mengukuhkan keupayaan mereka dalam memahami operasi ini, terutamanya risiko yang terhasil terhadap institusi kewangan dan bukannya bergantung semata-mata pada CSP atau TPSP yang dilantik untuk pengetahuan dan kepakaran mereka tentang pengaturan berkaitan awan. Dalam hal ini, Bank menghendaki institusi kewangan mempunyai pelan hala tuju yang jelas semasa membina keupayaan dalaman.

Ketiga, Bank akan memberikan penelitian yang lebih rapi terhadap pelaksanaan infrastruktur 'ketersediaan tinggi'. Infrastruktur itu termasuk perkhidmatan kewangan dalam talian, yang mempunyai jangkaan wajar berkenaan gangguan minimum atau ketersediaan perkhidmatan yang berterusan oleh pelanggan dan rakan niaga. Oleh itu, mengekalkan tahap jangka waktu pengoperasian yang tinggi adalah sangat penting, terutamanya bagi mengekalkan keyakinan terhadap sektor kewangan. Memandangkan peserta industri mencapai kemajuan yang menggalakkan dalam hal ini, Bank akan sentiasa terbuka kepada pendekatan yang berbeza oleh institusi kewangan masing-masing untuk membina daya tahan operasi yang lebih mantap bagi infrastruktur 'ketersediaan tinggi' mereka.

Keempat, Bank akan mengkaji untuk membenarkan institusi kewangan bergantung pada fungsi risiko dalaman mereka untuk membuat penilaian risiko apabila infrastruktur dan amalan industri menjadi semakin matang. Ketika ini, penggunaan penyedia perkhidmatan luar untuk membuat penilaian bebas diperlukan dalam RMiT. Bank menghendaki institusi kewangan memanfaatkan pengaturan jaminan luar ini untuk membina keupayaan dalaman pengurusan risiko teknologi.

Perancangan pemulihan dan penyelesaian

Pada tahun-tahun kebelakangan ini, Bank telah bekerjasama dengan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) untuk mewujudkan rangka kerja dasar bagi melaksanakan rancangan pemulihan dan penyelesaian (*recovery and resolution planning*, RRP) untuk institusi kewangan di Malaysia yang berpandukan Key Attributes of Effective Resolution Regimes for Financial Institutions terbitan Financial Stability Board. Rangka kerja ini berfungsi untuk memastikan daya tahan sistem kewangan yang berterusan semasa tempoh tekanan dan mengelakkan episod kegagalan institusi kewangan yang boleh mengancam kestabilan kewangan.

Dengan penerbitan dasar Perancangan Pemulihan pada bulan Julai 2021, rancangan pemulihan di Malaysia akan dilaksanakan secara berperingkat. Bagi jangka waktu terdekat, Bank akan memberikan tumpuan pada institusi kewangan di bawah fasa pertama pelaksanaan rancangan ini. Serahan pertama daripada bank-bank mengenai rancangan pemulihan mereka dijangkakan pada tahun 2023. Rancangan pemulihan ini akan menjadi titik permulaan penting bagi menyokong penilaian penyelesaian dan pelan penyelesaian PIDM.